

06/05/2000

Arahan perwakilan balik kurangkan politik wang

Kadir Dikoh; Fadzlena Jafar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pelbagai pihak menyambut baik arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno minggu depan yang berada di ibu negara, supaya pulang ke negeri masing-masing.

Mereka berpendapat langkah itu dapat mengurangkan kegiatan tidak sihat menjurus kepada politik wang yang boleh menghancurkan masa depan Umno jika tidak dibendung segera.

Ketua Jabatan Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Rashila Ramli, berkata arahan itu boleh meminimumkan sebarang kegiatan yang boleh merosakkan parti.

"Mungkin tindakan lebih drastik diperlukan jika tindakan itu tidak mencukupi. Bagaimanapun, ia bergantung kepada sejauh mana buruknya kesan tindakan perwakilan itu," katanya.

Semalam, Presiden Umno itu berkata, Majlis Tertinggi (MT) akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka jika didapati terbabit dalam apa-apa kegiatan yang tidak disenangi, khususnya meminta sesuatu daripada calon.

Perdana Menteri berkata, Umno akan memerangi politik wang secara habis-habisan dan berpendapat perwakilan yang dikenali 'G7' harus balik ke negeri masing-masing dan tidak berada di Kuala Lumpur.

"G7" merujuk kepada tujuh daripada 12 perwakilan yang dipilih oleh setiap bahagian Umno untuk menghadiri perhimpunan agung parti. Lima yang lain iaitu ketua, timbalan dan naib ketua bahagian, ketua pemuda dan ketua wanita, dipilih secara automatik.

Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Datuk Seri Onn Ismail pula berkata, langkah dilakukan oleh Dr Mahathir itu perlu disokong oleh semua pihak dalam usaha membanteras politik wang.

Katanya, Dr Mahathir mungkin sudah tahu mengenai tindak-tanduk sesetengah perwakilan menyebabkan beliau kali ini bertindak tegas supaya gejala tidak sihat boleh dihapuskan dalam Umno.

Sementara itu, kebanyakan hotel utama di sekitar ibu negara terutama yang terletak berhampiran Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) habis ditempah menjelang Perhimpunan Agung Umno minggu depan.

Tinjauan di beberapa hotel termasuk Pan Pacific Kuala Lumpur, Legend Hotel dan Dynasty Kuala Lumpur mendapati hotel itu tidak lagi menerima tempahan baru sepanjang tempoh berkenaan.

Eksekutif Perhubungan Awam Hotel Legend, Melinda Tan, berkata semua 620 bilik hotel terbabit habis ditempah oleh perwakilan dan pemerhati ke Perhimpunan Agung Umno.

"Kami menerima tempahan yang menggalakkan seawal November tahun lalu dan kebanyakan mengesahkan penginapan kira-kira tiga bulan lalu, mungkin kerana kedudukan hotel yang terletak berhampiran PWTC.

"Bagaimanapun, tidak semua tempahan pada tempoh itu datangnya dari perwakilan Umno. Ada juga tetamu korporat dan pelancong yang akan menginap di sini walaupun jumlahnya tidak banyak," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Sebuah lagi hotel berhampiran PWTC, Hotel Dynasty turut menerima tempahan 100 peratus untuk semua 788 bilik di hotel berkenaan sepanjang tempoh Perhimpunan Agung Umno itu diadakan sehingga 12 Mei ini.

Eksekutif Perhubungan Awamnya, Azlinda Abu Bakar, berkata kebanyakan tempahan diterima sebaik saja tarikh Perhimpunan Agung Umno diumumkan, awal tahun ini.

"Pengesahan bayaran dibuat sejak bulan lalu. Tetapi, tidak semua

tempahan sepanjang tempoh itu dari perwakilan Umno kerana kami juga mempunyai tempahan dari pelancong dan tetamu korporat.

"Malah, ada perwakilan yang datang awal dan menginap di sini berdasarkan tempahan hampir 80 peratus bilik untuk beberapa hari sebelum bermula acara itu dan kami masih mempunyai beberapa kekosongan bagi mereka yang ingin datang lebih awal," katanya.

Selain ketiga-tiga hotel itu, kebanyakan hotel utama di bandar raya menerima tempahan dipercayai dari perwakilan dan pemerhati Perhimpunan Agung Umno sepanjang minggu depan.

Sementara itu, Bernama melaporkan belum ada peningkatan dalam kadar penginapan bilik hotel di ibu negara setakat ini walaupun banyak hotel terutama di sekitar Chow Kit sudah menerima tempahan penuh sepanjang perhimpunan itu.

Jurucakap beberapa buah hotel berkata, buat masa ini kadar penginapan di hotel masing-masing masih sekitar 40 peratus daripada jumlah bilik yang ditawarkan.

"Peratus kadar penginapan ini adalah normal, seperti hari biasa," kata Eddie Khoo, Pengurus Bahagian Bilik, Hotel Grand Continental di sini, hari ini.

Beliau memberitahu Bernama tempahan bilik hotel hanya penuh untuk tempoh 9 Mei hingga 13 Mei iaitu ketika berlangsungnya perhimpunan itu.

(END)